

**HIMPUNAN FATWA YANG TELAH DIWARTAKAN  
DI NEGERI KELANTAN.**  
(Tahun 1958-2015)

**Fatwa 1.**

Tarikh Keputusan : 30hb Ogos 1958  
Tarikh Diwartakan : 05hb Februari 1959  
Status Penwartaan : Warta  
No Rujukan : (K . 996 / 56 / 40. A)  
Akta/Enakmen : Vol. X11.No. 27

Kategori : Ibadah

**Soalan :Fatwa Mengenai Hukum-Hukum ( Sembahyang, Bab Wuduk, Kenduri Dan Menunggu Kubur )**

Undang-Undang Majlis Ugama Dan Istiadat Melayu Dan Mahkamah-Mahkamah Kadhi No 1 Tahun 1953. Persiaran fatwa masalah syariah Oleh Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu.

Bahawa mengikut bab 43(3) daripada Undang-Undang Majlis Agama Islam Dan Istiadat Melayu Undang-undang no 1 tahun 1953, Majlis Agama Islam Dan Istiadat Melayu Kelantan menetapkan supaya di siar fatwa-fatwa bagaimana di bawah ini:

Soalan 1: Apakah hukum sembahyang di atas kapal terbang adakah sah atau tidak?

Jawapan : Sah apabila cukup syarat-syaratnya Nasnya bagaimana difaham daripada hadith al-Bukhari riwayat Imran Bin Husain r.hu :

قال كانت بي بواسير فسألت النبي صلى الله عليه وسلم عن الصلاة فقال صل قائماً فإن لم تستطع فقاعداً فإن لم تستطع فعلى جنب " زاد النسائي فإن لم تستطع فمستلقياً انتهى - ومقتضى هذه العبارة إذا استطاع أن يصلى مستلقياً على ركبتيه وإن كان على الطيارة يجوز أن يصلى متوجهي إلى الكعبة كما صرح بعض الفقهاء ونقله الحلبي عن الإسنوي وأيضاً في شرح البهجة في الجزء الأول صفحة 287 وهو قول ناشرى قال ولو أمكنه أن يصلى إلى القبلة قائماً وجب أن يصلى إلى القبلة مع القعود. الخ :

Soalan 2. Seorang sedang berada di dalam air sembahyang ( متوضئ ) kemudian bersentuh dengan kulit jari perempuan yang halal nikah dengannya yang telah terpotong dari anggotanya dengan tidak berlapik adakah batal air sembahyang si lelaki itu atau tidak?

Jawapan : Tidak batal bagaimana Nasnya di dalam Asna Mathalib ( اسنی المطاب ) dan Iqna' ( اقناع ) dan Sabili al-Muhtadi ( سبیل المهتدی ).

Soalan 3. Apakah hukum membuat jamuan kerana seorang mati dengan tidak diniatkan kenduri bahkan menjadi satu adat di atas satu-satu kampung?

Jawapan : Boleh kerana diharapkan dapat pahala padanya.

Soalan 4. Di suatu kampung ada setengah daripada golongan mereka yang berharta apabila mati ia, warisnya biasa mengupah pak lebai menunggu kuburnya hingga kepada 40 hari dan 40 malam perbuatan semacam ini adakah di suruh oleh agama atau tidak dan adakah perintah sahabat-sahabat Nabi pada masa dahulu berbuat demikian?

Jawapan : Tunggu kubur itu suatu perkara yang dihitungkan perbuatan yang diperkenankan oleh Salafu al-Soleh jika sempurna segala adab-adab dan syaratnya.